BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Ogos 2024

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras kekal stabil

Sumbangan kepada inflasi



- Pada bulan Ogos, inflasi keseluruhan menurun sedikit kepada 1.9% (Julai 2024: 2%), manakala inflasi teras[1] kekal tidak berubah pada 1.9% (Julai 2024: 1.9%)
- Penurunan inflasi keseluruhan didorong terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah bagi bekalan air dan makanan di luar rumah.

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Pengeluaran perkilangan kekal kukuh pada bulan Julai 2024

Indeks Pengeluaran Industri Perkilangan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks pengeluaran industri perkilangan terus meningkat sebanyak 7.7% pada bulan Julai 2024 (Jun 2024: 5.2%).
- Pertumbuhan kelompok berorientasikan eksport terus berkembang seperti yang dicatatkan oleh pengeluaran elektrik dan elektronik (*electrical and electronics*, E&E yang lebih tinggi dan produk berkaitan sumber seperti kayu dan getah.
- Pertumbuhan mampan kelompok berorientasikan dalam negeri disokong oleh pengeluaran tembakau yang lebih tinggi serta pengeluaran produk pakaian dan subkluster automotif yang kembali pulih.

Sorotan Bulanan
Ogos 2024

Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan menurun pada bulan Ogos

Kredit kepada Sektor Swasta Bukan Kewangan[1]



[1] Terdiri daripada pinjaman isi rumah dan syarikat bukan kewangan oleh sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP) serta bon korporat yang diterbitkan oleh syarikat bukan kewangan (termasuk kertas jangka pendek).
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.
Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan kredit kepada sektor swasta bukan kewangan menurun kepada 5.3% pada akhir bulan Ogos (Julai 2024: 5.5%) berikutan pertumbuhan pinjaman terkumpul yang lebih rendah (5.8%; Julai 2024: 6.2%). Pertumbuhan bon korporat terkumpul meningkat kepada 3.2% (Julai 2024: 3%).
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal pada 6.2% (Julai 2024: 6.2%), dengan pertumbuhan yang stabil bagi kebanyakan tujuan, termasuk untuk pembelian rumah dan kereta.
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan menurun kepada 5.2% (Julai 2024: 6%), disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman modal kerja yang lebih perlahan dalam kalangan bukan PKS. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman PKS mampan bagi tujuan modal kerja dan pelaburan.

Pasaran kewangan domestik sebahagian besarnya masih dipengaruhi oleh perkembangan luaran termasuk peningkatan jangkaan terhadap pelonggaran dasar monetari AS

Prestasi Pasaran Kewangan pada bulan Ogos 2024



Nota: Data kadar pertukaran ialah kadar pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Tukaran Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
[1] Negara serantau terdiri daripada Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, dan Korea Selatan.
Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Pada bulan Ogos, jangkaan peserta pasaran kewangan beralih ke arah kemungkinan pemotongan kadar dasar yang lebih awal dan lebih menyeluruh oleh Federal Reserve AS, berikutan data ekonomi AS yang menandakan kelembapan bagi pasaran pekerja dan inflasi yang semakin mereda.
- Berlatarkan keadaan ini, ringgit menambah nilai sebanyak 6.7% berbanding dolar AS (purata serantau[1]: +4.2%). Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 10 tahun kekal agak stabil dengan peningkatan sebanyak 4 mata asas (purata serantau[1]: -11 mata asas), manakala Indeks Komposit Bursa Malaysia Kuala Lumpur FTSE (FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Indeks, FBM KLCI) didagangkan 3.3% lebih tinggi (purata serantau[1]: +1.8%).

Sorotan Bulanan
Ogos 2024

Kedudukan mudah tunai dan pendanaan bank-bank terus menyokong aktiviti pengantaraan

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Sistem perbankan terus mencatatkan penampan mudah tunai yang kukuh dengan agregat Nisbah Perlindungan Mudah Tunai sebanyak 145.4% (Julai 2024: 150.8%).
- Agregat nisbah pinjaman kepada dana secara amnya kekal stabil pada 83.8% (Julai 2024: 83%).

Daya tahan sistem perbankan terus disokong oleh kualiti aset yang utuh

Kualiti Aset Sistem Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Nisbah pinjaman terjejas kasar dan bersih secara keseluruhannya kekal stabil masing-masing pada 1.6% dan 1%.
- Nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) terus berada pada tahap berhemat sebanyak 123.8% daripada pinjaman terjejas (Julai 2024: 124.5%).